

Jalan Tun Razak **retak**

Keretakan sepanjang kira-kira 50 meter berlaku sejak tiga hari lalu

■ HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Laluan utama ibu negara, Jalan Tun Razak, berhadapan Menara TH Selbom di sini, mengalami beberapa keretakan sepanjang kira-kira 50 meter.

Pengarah Kejuruteraan Awam dan Saliran DBKL, Ir. Tan Keng Chok berkata, masalah berlaku sejak tiga hari lalu ia dipercayai berpunca daripada kerja-kerja projek lencongan Sungai Bonus yang sedang giat dilaksanakan kini.

Menurutnya, projek 'bypass' dari kawasan Kampong Bharu ke Jalan Tun Razak itu, dilaksanakan oleh kontraktor Gaya Analisa Sdn Bhd di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah



Keadaan permukaan Jalan Tun Razak yang retak kira-kira 50 meter.

Persekutuan Kuala Lumpur (JPS WPKL).

"Kini kontraktor telah siap membina dinding konkrit pembetung kekotak (box culvert) di persimpangan Jalan Tun Razak dan Jalan

Raja Uda.

"Bagi mengelak air hujan masuk dan menjejaskan struktur jalan, pihak kontraktor telah letakkan 'sealant' pada permukaan dan jurutera perunding JPS mengesahkan



Pihak kontraktor meletakkan 'sealant' bagi menghalang air hujan masuk dan menjejaskan struktur jalan.

laluan itu selamat," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Bagaimanapun katanya, pihaknya sedang menunggu laporan lengkap daripada JPS untuk tindakan selanjutnya.

"DBKL telah meminta



Projek lencongan Sungai Bonus yang sedang dilaksanakan punca masalah berlaku.

JPS dan perundingnya mengemukakan laporan kestabilan struktur dan jalan dengan kadar segera," katanya.

Sementara itu, jurucakap JPS WPKL berkata, laluan berkenaan selamat untuk lalu-

an kenderaan dan 'sheet pile' juga dalam keadaan stabil.

"Bagaimanapun kita akan minta Ikram Premier Consulting Sdn Bhd (IPC) membuat pemeriksaan selanjutnya," katanya.